

KONSEP SAHAM WAKAF JOHOR DAN PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA

THE CONCEPT OF SAHAM WAKAF JOHOR AND ITS ADVANCEMENT IN MALAYSIA

Noh Bin Gadotⁱ, Nurul Syuhada Bt Yahyaⁱⁱ & Mohd Rilizam Bin Rosliⁱⁱⁱ

ⁱ Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, 80000 Johor Bahru.

ⁱⁱ Pegawai Unit Saham Wakaf Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 80000 Johor Bahru, nurulshuhada2804@gmail.com

ⁱⁱⁱ Penolong Pengarah Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 80000 Johor Bahru, rilizam@gmail.com

Abstrak	Abstract
<p><i>Saham Wakaf Johor merupakan satu skim yang ditawarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan nilai serendah RM10 seunit untuk dimiliki oleh umat Islam dan diwakafkan Saham tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan tujuan dan manfaatnya diberikan kepada umat Islam. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep Saham Wakaf Johor yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1993, seterusnya mengenalpasti projek-projek yang telah berjaya diusahakan menerusi platform ini serta memperkenalkan strategi asas dalam mempromosikan Saham Wakaf Johor. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan mengkaji data-data yang diperolehi daripada responden dan bahan-bahan bercetak yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Hasil kajian ini mendapati bahawa Saham Wakaf Johor telah berperanan sebagai suatu medium dalam menerapkan budaya berwakaf dikalangan masyarakat di negeri Johor khususnya dan diseluruh Malaysia amnya.</i></p>	<p><i>Saham Wakaf Johor is a scheme offered by Johor Islamic Religious Council with a value as low as RM10 per unit to be owned by Muslims and the shares will be endowed to the Johor Islamic Religious Council, so the purpose and benefits will give back to Muslims. This article aims to discuss the concept of Saham Waqf Johor which has been implemented since 1993, thus identifying projects that have been successfully implemented through this platform as well as introducing a basic strategy in promoting the Saham Wakaf Johor. This qualitative study is carried out by studying the data obtained from respondents and printed materials published by the Johor State Religious Council. In this study, it was found that Saham Wakaf Johor has been a medium in practicing waqf activity among the people especially in Johor and Malaysia generally.</i></p>
<p>Kata kunci: Saham Wakaf Johor, konsep,</p>	<p>Keywords: Saham Wakaf Johor, concept, project, waqf culture</p>

projek, budaya berwakaf

PENGENALAN

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa* yang merangkumi berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Oleh itu, dari segi bahasa, waqf memberi makna berhenti (السكن), menegah (المنع), diam (السكت) dan menahan (الحبس) (Ibrahim Mustafa, 1972 : 1051).

Wakaf menurut istilah syarak ialah apa jua harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Dengan ini, harta yang telah diwakaf manfaatnya adalah untuk kebajikan umum atau khusus yang telah ditetapkan oleh pewakaf sebagai menjalankan ibadah kepada Allah S.W.T (al- Syirazi, 1995 : 323).

Jika diteliti pandangan yang dikemukakan oleh imam empat mazhab mengenai takrifan wakaf ini, kesemuanya adalah berdasarkan kepada prinsip yang sama iaitu harta yang diwakafkan tersebut tertahan, benar-benar wujud dan boleh dimanfaatkan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

Metodologi Kajian

Kaedah kualitatif telah dipilih bagi menjalankan dan menyempurnakan kajian ini. Dimana ia dimulakan dengan kajian perpustakaan terlebih dahulu dengan meneliti laporan-laporan tahunan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor, kertas kerja seminar samaada di peringkat negeri mahupun kebangsaan, jurnal-jurnal dan beberapa buah kitab fiqh berkaitan ibadah wakaf. Seterusnya, sesi temubual diadakan bersama beberapa orang pegawai yang telah menguruskan pentadbiran wakaf bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan konsep saham wakaf Johor ini. Keseluruhan dapatan dianalisis untuk dijelaskan secara terperinci di dalam artikel ini.

Pandangan Ulama' Mengenai Saham Wakaf

Perkataan Saham Wakaf juga dikenali sebagai Wakaf Tunai membawa maksud, pembelian unit-unit saham tertentu dan seterusnya mewakafkan sijil-sijil saham tersebut kerana Allah S.W.T selama-lamanya untuk dimanfaatkan bagi kepentingan dan juga kebajikan umat Islam (Hamidi, 2013). Bagi Saham Wakaf Johor, ia merupakan suatu saham yang berkonsepkan 'Saham akhirat' dimana pewakaf-pewakaf akan membeli saham dari Saham Wakaf Johor sebagai pemegang amanah wakaf dan seterusnya disalurkan kepada projek-projek khusus yang bermanfaat kepada kebajikan umat Islam.

Dalam pengharusan wakaf tunai atau wakaf dirham dan dinar terdapat beberapa pandangan ulama yang mengharuskan Wakaf Tunai seperti berikut:

- I. Mazhab Malliki dan sebahagian daripada ulama mazhab Syafie mengharuskan harta alih tanpa disyaratkan kekal fizikalnya. Mazhab Maliki juga berpendapat bahawa harta wakaf dengan menggunakan wang tunai seperti yang telah disebutkan dalam kitab *Muqaddimah Ibnu al-Rushd al-Ka'bi* kerana bagi mazhab Maliki tujuan asal berwakaf itu adalah untuk mendapat manfaat daripada harta tersebut (Abu Zaid, 1975)
- II. Golongan *Mutaqaddimin* dari ulama mazhab Hanafi membolehkan wakaf wang dinar dan dirham sebagai pengecualian atas dasar *Istihsan Bil al-Urfi* (al-Zuhayli, 2011)
- III. Imam Az-Zuhri, seorang ulama terkenal dalam ilmu hadith, telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam bentuk dinar dan dirham adalah diharuskan bagi tujuan berdakwah, kebajikan ummah dan pendidikan umat Islam (al- Asqalani, 1988 : 87)
- IV. Menurut Ibn Abidin, wang atau pun duit tunai adalah sah untuk diwakafkan walaupun ia tidak dapat dikekalkan dalam bentuknya yang asal namun nilainya boleh ditukarkan kepada sesuatu yang bersifat kekal (Siti Mashitoh Mahmood, 2007: 66)

Fatwa Pelaksanaan Wakaf Tunai

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Begitu juga dengan fatwa yang diputuskan oleh *Majma' Fiqh Islami* pada persidangannya kali ke 15 yang telah membenarkan wakaf tunai melalui resolusi yang bernombor 140 (Ali Ibn Muhammad, 2012 : 187).

Dengan fatwa ini masyarakat Islam di Malaysia dapat berwakaf dengan tunai tanpa was-was. Perwakafan yang dibuat adalah dalam bentuk pembelian saham wakaf daripada pemegang-pemegang amanah iaitu Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

PENUBUHAN BAHAGIAN WAKAF

Bahagian Wakaf di negeri Johor telah ditubuhkan pada tahun 1313 Hijrah bersamaan dengan 1895 Masihi. Pada peringkat awal penubuhannya, ianya dikelola dan ditadbir oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor.

Kemudian ia telah diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Johor di dalam urusan tadbir dan sebagai pemegang amanah. Diletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan kuatkuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 1978. Sebelum Enakmen ini diwujudkan, Negeri Johor pernah mempunyai Enakmen Wakaf 1973 yang telah diluluskan dalam Dewan Negeri Johor pada 5 Jun 1973, dan juga Enakmen ini memperuntukan empat belas seksyen berkenaan wakaf. Namun begitu, Enakmen Wakaf 1973 telah dimansuhkan dan dimasukkan ke dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978, yang mana bidangkuasa untuk wakaf, diperuntukan dalam seksyen 41 hingga seksyen 56. Namun, Johor adalah negeri lebih awal memperkenalkan Enakmen Wakaf pada tahun 1973 diikuti Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 lebih dikenali ramai sebagai Enakmen Wakaf pertama di Malaysia, yang kemudiannya disusuli oleh Melaka dan Negeri Sembilan. Fungsi utama penubuhan Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah untuk:

- i. Mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf.
- ii. Sebagai pemegang amanah harta-harta yang diwakafkan oleh umat Islam untuk tujuan-tujuan tertentu.

Bahagian Wakaf semenjak penubuhannya hinggalah kini telah menjalankan segala tanggungjawab dan fungsinya seperti apa yang telah termaktub di dalam enakmen yang berkuat kuasa berkaitan dengannya. Sebagai badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kebajikan umat Islam di Negeri Johor, salah satu peranan yang dimainkan dari dahulu hingga kini adalah berkaitan pengurusan wakaf umat Islam termasuklah saham wakaf yang telah dilaksanakan di Negeri Johor ini semenjak ia diperkenalkan. Dengan praktikal undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan, segala perkara berkaitan khususnya dengan pelaksanaan wakaf, ianya bukan sahaja menggerakkan setiap perancangan yang berkaitan dengannya, malahan mampu untuk menguruskan berkaitan Saham Wakaf khususnya yang bermatlamat apa yang diniatkan oleh pewakaf itu sendiri dan sebagai organisasi yang telah diamanahkan dalam apa-apa berkaitan ekonomi dan kebajikan umat Islam di Negeri Johor terutamanya (Nurfarhana *et al*, 2017: 613). Dengan ini jelaslah, segala yang dilakukan oleh Bahagia Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa memperkemaskan dan menyusun strategi pengurusan yang dijalankan pada tanggungjawab yang diberikan terutama berkaitan pengurusan wakaf dan lebih khusus lagi Saham Wakaf yang menjadi tajuk penulisan ini.

SAHAM WAKAF JOHOR

Bentuk pelaksanaan Wakaf Tunai di Negeri Johor telah menggunakan perkataan Saham Wakaf Johor (SWJ) bagi melambangkan wakaf tunai itu sendiri. Saham Wakaf Johor diwujudkan adalah bertujuan untuk mengalakkan umat Islam di Negeri Johor untuk mengamalkan ibadah berwakaf. Ia juga merupakan satu skim yang ditawarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan nilai RM10 seunit untuk dimiliki oleh umat Islam dan mewakafkan saham tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan tujuan manfaanya diberi kepada umat Islam.

Objektif Saham Wakaf Johor

Terdapat beberapa objektif utama Saham Wakaf Johor (SWJ) sebagaimana yang tercatat di dalam Manual Pengurusan Saham Wakaf Johor (2013):

- i. Menghidup suburkan semula amalan wakaf yang merupakan sedekah jariah yang sangat dituntut oleh Islam.
- ii. Menyediakan kemudahan dan alternatif kepada masyarakat umat Islam untuk menyertai ibadah wakaf walaupun tanpa melibatkan wakaf yang berbentuk aset kekal.
- iii. Dalam usaha menggalakkan masyarakat Islam mengiktiraf wakaf sebagai sistem yang diyakini berpotensi untuk menggerakkan pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam.

KONSEP SAHAM WAKAF JOHOR

Usaha mewujudkan Saham Wakaf Johor ini adalah bertitik tolak daripada sebuah kertas kerja yang telah dibentangkan oleh Mufti Johor iaitu Dato' Hj Ahmad Bin Awang pada Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada tahun 1981 di bawah tajuk wakaf gantian dan saham wakaf. Atas dasar semangat untuk menggerakkan manfaat yang lebih besar kepada seluruh umat Islam, maka kertas kerja tersebut telah diterima dan dipersetujui di dalam Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tersebut. Memandangkan jumur ulama terutama pandangan yang dibawa oleh Imam Abu Hanifah yang membenarkan kaedah *istibdal* dilaksanakan pada waktu hajat dan darurat, maka ia telah menepati ciri-ciri yang bakal dilaksanakan bagi konsep saham wakaf atau wakaf tunai.

Pada tahun 1990, kesinambungan daripada usaha tersebut telah di gerakkan seterusnya oleh mantan pengarah Jabatan Agama iaitu Dato' Mohd Nor Hj Abd Rahman dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai pada ketika itu. Maka pada 8 ogos 1993, secara rasminya Saham Wakaf Johor telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Sambutan yang amat menggalakkan telah ditunjukkan oleh orang

ramai dalam merebut peluang beramal menerusi Saham Wakaf Johor. Menerusi skim ini, Johor muncul sebagai negeri yang pertama di Malaysia yang menganjurkan suatu mekanisma yang baru dalam membangunkan ekonomi umat Islam melalui pelaburan abadi saham wakaf.

Mewakafkan harta adalah suatu bentuk amal jariah yang sangat digalakkan oleh agama Islam. Ini adalah kerana amalan tersebut bukan hanya sebagai satu ibadah malahan ia merupakan satu sistem yang berpotensi untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Islam khususnya melalui pengumpulan harta secara berkelompok dan bersama. Menerusi skim Saham Wakaf Johor ini orang ramai boleh menyumbang dan membuat pelaburan sebagai sedekah jariah yang berpanjangan (wakaf) tanpa had maksimum tertentu demi kepentingan, kebajikan dan memperoleh kemaslahatan umat Islam secara menyeluruh.

KAEDAH PEMBAYARAN SAHAM WAKAF JOHOR

Antara matlamat diwujudkan saham wakaf adalah bagi memudahkan masyarakat untuk melakukan wakaf. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) melalui Saham Wakaf Johor (SWJ) telah menyediakan beberapa kemudahan untuk masyarakat melaksanakan saham wakaf tersebut, antaranya ialah:

- i. Kaunter-kaunter SWJ
MAINJ telah menyediakan kaunter-kaunter seperti kaunter bergerak menggunakan van dan bas di beberapa tempat tumpuan orang ramai seperti berhadapan bangunan Lembaga Tabung Haji, bangunan KWSP dan pusat membeli-belah di Negeri Johor ini. Selain itu, SWJ juga menyediakan kaunter-kaunter meja seperti di pejabat-pejabat Majlis Agama Islam seluruh Daerah Negeri Johor, masjid-masjid terpilih dan ketika program-program yang berkaitan dengannya.
- ii. Skim Infaq (potongan gaji)
Kaedah potongan gaji adalah kaedah yang paling mudah bagi pewakaf yang ingin berwakaf secara bulanan. Kaedah potongan gaji ini terbuka kepada kakitangan persekutuan, kakitangan badan-badan berkanun dan kakitangan swasta. Dengan cara mengisi borang potongan gaji yang boleh di muat turun melalui laman web www.e-wakafjohor.com.my.
- iii. Agen-agen Saham Wakaf Johor
Saham Wakaf Johor juga telah melantik beberapa orang agen sah bagi memberi penerangan tentang Saham Wakaf Johor serta diberi kebenaran mengutip hasil Saham Wakaf Johor.

- iv. Laman Web
Pembelian melalui laman web ini memudahkan masyarakat untuk berwakaf iaitu masyarakat boleh melakukan ibadah wakaf ini pada bila-bila masa dan tidak kira tempat. Untuk pembelian Saham Wakaf Johor melalui laman web www.ewakafjohor.com.my, pewakaf mestilah mendaftar sebagai pewakaf dahulu kemudian boleh membuat pembelian melalui kaedah FPX.
- v. Bank-in/Cek
Pembelian Saham Wakaf Johor juga boleh dibuat melalui kaedah Bank in ke akaun yang terpilih seperti Bank Islam bernombor akaun 01014010059989 diatas nama Saham Wakaf Johor sendiri. Selain itu, boleh juga membuat pembelian secara bank in ke akaun Maybank bernombor akaun 551016694458 diatas nama Majlis Agama Islam Negeri Johor.

PROJEK SAHAM WAKAF JOHOR

Setelah hasil kutipan SWJ diperolehi, seterusnya tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) adalah membangunkan hasil kutipan saham wakaf bagi memastikan tujuan dan hasrat pewakaf itu tercapai. Terdapat beberapa projek dilakukan bagi membangunkan hasil kutipan tersebut.

Diantara projek-projek yang telah berjaya dijalankan hasil dari kutipan Saham Wakaf Johor adalah :

- I. Wakaf Mushaf Al-Quran
Program Wakaf Mushaf al-Quran ini bertujuan untuk memberi peluang kepada seluruh umat Islam untuk mewakafkan naskhah al-Quran bagi tujuan disalurkan kepada sekolah-sekolah agama seluruh negeri Johor. Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk akan digunapakai bagi tujuan menyelaraskan jenis al-Quran yang diwakafkan. Harga bagi pembelian sebanyak 30,000 naskhah al-Quran bagi tujuan Program Wakaf al-Quran ini ialah RM 1,485,000.00 Juta (Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Sahaja) dan akan ditampung sepenuhnya melalui program Saham Wakaf Johor.
- II. Wakaf Pokok Kelapa Sawit
Projek ini telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni al-Marhum Sultan Iskandar pada 27 Julai 2008. MAINJ telah melantik Epa Management Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Johor

Corporation sebagai pengurus bagi mentadbir, mengawalselia, menyelenggara dan memasarkan hasil tanaman sawit di ladang tersebut. Kos bagi projek ini ialah sebanyak RM 350,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja). Hasil daripada projek wakaf ini akan disalurkan dan dimanfaatkan untuk kebajikan umat Islam.

III. Wakaf Bangunan Perniagaan

Pembelian bangunan rumah kedai 2 tingkat sebanyak 4 unit di Nusajaya adalah bertujuan membuka peluang kepada umat Islam menjalankan perniagaan di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar. Malah, projek ini merupakan satu alternatif yang dihasilkan bagi menjalankan tanggungjawab sosial dan memacu sosio ekonomi umat Islam. Lokasinya terletak di Fortune Point, Taman Perindustrian Nusa Cemerlang, Nusajaya. Kos keseluruhan bagi projek ini berjumlah RM 1,573,566.00 Juta (Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Enam Puluh Enam Ribu Sahaja).

IV. Wakaf Bangunan Saham Wakaf Johor

Projek Bangunan Saham Wakaf setinggi 6 tingkat ini terletak di KM10 Jalan Skudai, Johor Bahru. Ia telah siap dibina pada Tahun 1995. Majlis perasmian Majlis Pecah Tanah Bangunan Saham Wakaf telah dilakukan oleh Y.B Tan Sri Muhyiddin bin Md. Yassin. Kini, bangunan tersebut telah dijadikan Pusat Dialisis MAINJ. Pesakit-pesakit yang mengalami masalah atau kegagalan fungsi buah pinggang boleh mendapatkan rawatan di pusat dialisis ini. Seramai 98 pesakit yang mendapat rawatan di pusat dialisis ini dan ditanggung oleh Bahagian Zakat MAINJ dengan kos sebanyak RM 3,410,400.00 Juta (Ringgit Malaysia Tiga Juta Empat Ratus Sepuluh Ribu Empat Ratus Sahaja) setahun. Kos bagi projek ini ialah sebanyak RM 6,000,000.00 Juta (Ringgit Malaysia EnamJuta Sahaja).

V. Pembelian Tapak Tambahan Di Kg Sri Gunung Pulai

Tanah bagi tapak masjid di Kampung Sri Gunung Pulai, Daerah Kulai ini pada asalnya telah diwakafkan oleh Puan Sepiyah Bte Shafie pada bulan Oktober tahun 2004 seluas 0.031 ekar. Namun, menjelang tahun 2015, terdapat penambahan penduduk yang juga sangat memerlukan penambahan kawasan bagi pembesaran masjid sedia ada serta tapak wakaf bagi tujuan Sekolah Agama . Bagi tujuan tersebut, Dato'

Abdullah Jaafar telah mewakafkan sebanyak RM400,000.00 bagi menampung sebahagian kos PBT di kawasan tersebut. Kos bagi projek pembelian lot tanah ini adalah sebanyak RM 629,848.00 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu, Lapan Ratus Empat Puluh Lapan Sahaja).

VI. Wakaf Bangunan Asrama Pelajar di Mesir

Bangunan asrama pelajar ini merupakan projek bangunan wakaf pertama di negara Mesir. MAINJ mengambil langkah proaktif untuk merealisasikan hasrat ini bagi membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar yang semakin meningkat di sana. Bangunan setinggi 6 tingkat dan boleh menampung seramai 120 orang pelajar ini terletak di No. 53 Mohamed Masdur Street, El-Hayyu al-Awwal, Madinat Nasr, Kaherah, Mesir. Bangunan asrama ini lengkap dengan pelbagai kemudahan antaranya ruang belajar dan muzakarah, pejabat persatuan pelajar, rumah kediaman pegawai kebajikan pelajar, dan bilik tidur. Kemudahan bilik juga disediakan untuk pelajar muhafazah (pelajar yang berada di luar Kaherah). Bangunan ini telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibnu al-Marhum Sultan Iskandar pada 17 April 2010. Kos bagi projek ini adalah sebanyak RM 6,000,000.00 Juta (Ringgit Malaysia Enam Juta Sahaja).

Projek Saham Wakaf Johor yang Masih dalam Kutipan

I. Wakaf Mesin Hemodialisis

Projek terbaru menerusi konsep Saham Wakaf Johor pada kali ini memberi fokus dalam kategori kesihatan bagi memenuhi keperluan pesakit buah pinggang memandangkan jumlah pesakit buah pinggang yang ditanggung oleh MAINJ adalah seramai 2240 orang pesakit pada tahun 2014 dengan peruntukan sebanyak RM32 juta. Mesin Hemodialisis yang telah diwakafkan akan di tempatkan pusat Dialisis milik Majlis Agama Islam Johor, hospital-hospital kerajaan, masjid-masjid yang menjalankan operasi dialisis dan juga pusat hemodialisis yang merawat pesakit yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kos bagi pembelian mesin hemodialisis sebanyak 100 unit ini adalah sebanyak RM 4,500.000.00 (Ringgit Malaysia Empat Juta Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia Sahaja). MAINJ membiayai seramai 2,847 pesakit buah pinggang dengan kos RM 31.02 juta (Tiga Puluh Satu Juta dan Sen Dua Malaysia

Sahaja) kepada 70 buah Pusat rawatan seluruh negeri Johor sehingga Oktober 2015.

II. Wakaf Masjid di Kemboja

Negara Kemboja mempunyai keluasan 181,035 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai juta orang serta merupakan Negara ke-69 paling ramai penduduk di dunia. Kira – kira 93 peratus penduduk kemboja menganut agama rasmi iaitu agama Budha, manakala penganut agama Islam hanyalah kira-kira 5% (800,000 orang). Rata-rata penduduk Islam di Negara ini hanya bekerja sebagai nelayan dan petani dengan pendapatan purata tidak melebihi RM 500 sebulan. Justeru umat Islam di Negara ini sangat memerlukan bantuan dari Negara luar dalam usaha mengukuhkan syiar Islam. Sehingga kini lebih kurang 500 buah masjid telah dibina di Negara ini yang mana hampir keseluruhan dibiayai melalui sumbangan dari negeri luar. Pihak “Cambodian Muslim Intellectual Alliance” telah memajukan permohonan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi mengutip wakaf untuk membina sebuah masjid di Negara ini. Kos bagi tujuan pembinaan ini dianggarkan berjumlah RM 4, 000,000 (Ringgit Malaysia Empat Juta).

III. Pembelian 1 lot rumah di Eden Street Australia

Projek terbaru menerusi konsep Saham Wakaf Johor pada kali ini memberi fokus dalam pembelian seunit lot rumah di Eden Street , Australia yang dipohon oleh Islamic Malay Austrlian Association of NSW (IMAAN) “ Persatuan Melayu Islam Australia New South Wales.” Tujuan pembelian sebuah rumah ini adalah disebabkan kebanjiran rakyat Malaysia di kawasan tersebut samada dari golongan pendidikan mahupun golongan yang berkerja . Persatuan itu juga ketika ini telah di anggotai seramai 100 orang ahli yang berdaftar. Selain dari peningkatan jumlah rakyat Malaysia setiap tahun di sana, pembelian sebuah rumah ini juga akan digunakan sebagai tempat ibadah, pusat dakwah dan kebajikan serta membolehkan aktiviti-aktiviti perjumpaan dilakukan disana bagi mengeratkan lagi ukhuwah serta pemantapan akidah di kalangan masyarakat Malaysia di sana. Kos bagi pembelian lot rumah ini adalah sebanyak RM 3,436,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Empat Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Ringgit Malaysia Sahaja).

IV. Wakaf Banguna Darul Furqan

Wakaf Pembelian Bangunan Darul Furqan ini diwujudkan adalah bertujuan untuk dijadikan pusat pengajian ilmiah dan pembelajaran ilmu agama kepada masyarakat Islam seperti mempelajari ilmu al-quran, tahfiz al-Quran, tajwid, taranum, pengajian bahasa arab, kelas bimbingan, kuliah tafaqquh, tuisyen akademik dan sebagainya. Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam usaha untuk memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk bersama-sama mendalami ilmu agama, memperluaskan fahaman dan penghayatan ajaran ilmu ke arah mencapai matlamat didunia dan di akhirat. Disamping itu juga, pusat ini berfungsi sebagai satu pusat pendidikan untuk melahirkan generasi al-Quran di negeri ini yang berlandaskan al-Quran dan al-hadith. Kos bagi tujuan pembelian bangunan ini dianggarkan berjumlah RM6,000,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Juta). Ini termasuk kelengkapan peralatan yang diperlukan sebagai sebuah pusat latihan ilmiah. Bangunan yang dibeli ini terletak di bangunan kedai, Jalan Damansara Aliff.

V. Bangunan Wakaf Asrama Pelajar di Jordan

Bangunan asrama pelajar ini adalah merupakan projek bangunan wakaf yang pertama di negara Jordan untuk pelajar-pelajar Johor yang melanjutkan pengajian mereka dalam bidang Agama dan bidang Perubatan. Majlis Agama Islam Negeri Johor mengambil langkah proaktif bagi merealisasikan hasrat ini memandangkan terdapatnya masalah kewangan pelajar serta kos sewa rumah yang semakin meningkat dari tahun ke tahun yang perlu ditanggung oleh pelajar-pelajar Johor di Jordan. Kos bagi Bangunan Wakaf Asrama Pelajar di Jordan ini adalah sebanyak RM 10,000,000.00 juta (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

Secara keseluruhannya, perancangan membangunkan projek hasil kutipan SWJ ini telah disusun dengan baik oleh MAINJ mengikut kesesuaian dan keperluan seterusnya bagi memenuhi hasrat atau niat pewakaf melakukan wakaf berkonsepkan saham ini. Dengan perancangan dan penggunaan yang dikawal oleh MAINJ ini telah memberi satu kepercayaan oleh masyarakat untuk terus berwakaf melalui MAINJ dengan melalui Saham Wakaf Johor.

STRATERGI MEMPROMOSIKAN SAHAM WAKAF JOHOR

Strategi mempromosikan Wakaf Tunai merupakan aspek terpenting bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat untuk berwakaf terutamanya wakaf tunai. Hasil daripada keberkesanan promosi tersebut

dapat meningkatkan kutipan Saham Wakaf Johor (SWJ). Terdapat beberapa strategi yang telah dijalankan bagi mempromosikan Saham Wakaf Johor ke arah mencapai tujuan dan matlamat tersebut. Antara strategik tersebut ialah:

- I. Teknologi Maklumat
Saham Wakaf Johor (SWJ) juga tidak ketinggalan dalam penghebahan dan promosi melalui penggunaan teknologi maklumat seperti di laman web, *facebook*, *whatsapp* dan lain-lain. Masyarakat boleh mendapatkan maklumat seperti cara-cara berwakaf, projek wakaf SWJ dan sebagainya sevara lebih mudah dan cepat.
- II. Penyebaran Risalah
Risalah yang berbentuk pamphlet dan poster atau gambar telah dihasilkan oleh Saham Wakaf Johor (SWJ) yang diedarkan melalui kaunter-kaunter Saham Wakaf, masjid, agensi kerajaan dan juga dipamerkan di lokasi tumpuan orang ramai untuk memberi maklumat kepada masyarakat mengenai Wakaf Tunai.
- III. Buku Panduan
Bahagian Wakaf telah mengeluarkan buku panduan yang bertajuk ' Manual Pengurusan Wakaf ' bagi menyampaikan maklumat dan penerangan terperinci kepada masyarakat supaya budaya berwakaf ini dapat difahami dan diamalkan.
- IV. Papan iklan/*Billboard*
Papan iklan/*billboard* dengan gagasan *tag-line* yang telah dipamerkan mengenai Saham Wakaf Johor telah digunakan seperti Papan iklan/*billboard* di jejantas lebuhraya Utara Selatan untuk menarik minat orang ramai untuk menyertai wakaf tunai dengan menempatkan papan iklan/*billboard* tersebut di kawasan yang strategik.
- V. Khutbah Jumaat
Bahagian Wakaf dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menggunakan khutbah Jumaat sebagai wadah untuk menyapaikan maklumat dan menghebahkan Wakaf Tunai secara berkala. Konsep sebenar Wakaf Tunai yabg disampaikan oleh khatib dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat setempat tentang kepentingan Wakaf Tunai.
- VI. Penghebahan di stesen Radio

Penghebahan mengenai Saham Wakaf Johor melalui stesen radio ini bertujuan memberi penjelasan mengenai Saham Wakaf Johor yang menyentuh mengenai pengertian dan konsep Saham Wakaf kepada semua lapisan masyarakat. Saham Wakaf Johor telah bekerjasama dengan beberapa stesen radio seperti IKIM FM dan SINAR FM.

VII. Kaunter Bergerak

Majlis Agama Negeri Johor telah menyediakan kemudahan bas dan van bergerak kepada Saham Wakaf Johor bagi menghebahkan maklumat mengenai Wakaf Tunai disamping bertujuan memberi kemudahan kepada orang ramai untuk berwakaf bersama Saham Wakaf Johor.

KESIMPULAN

Dengan ini jelaslah bahawa Wakaf merupakan satu ibadat yang digalakkan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dalam masa yang sama wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi Islam secara langsung. Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Dengan wujudnya penubuhan Saham Wakaf Johor dibawah Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai pemegang amanah dapat memberi peluang kepada masyarakat khususnya rakyat negeri ini untuk menunaikan ibadah berwakaf dengan mudah. Dengan tanggungjawab yang diberikan selaku pemegang amanah umat Islam di Negeri Johor ini, SWJ juga dilihat mampu untuk menjalankan tugas tersebut dengan baik terutama bagi mencapai tujuan dan matlamat pewakaf. Hasil daripada kutipan SWJ, MAINJ telah berjaya meningkatkan dana ekonomi seterusnya dapat menyumbang kepada usaha memelihara kebajikan umat Islam khususnya di Negeri Johor umumnya.

RUJUKAN

Aḥmad Ḥasan, al-Awrāq al-Naqdiyyah fī al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā, Damsyik: Dār al-Fikr, 2002.

‘Ali Ibn Muhammad (2012), al-Ta’min al Takaful min khilali al-Wakaf, Riyadh : Dar al-Tadmuriyyah, h 187

Hamidi Bin Abd Ghani. Kertas Khas: Saham Wakaf Menurut Perspektif Islam; Ke Arah Pelaksanaannya Di Negeri Kelantan. *Jurnal KIAS, Bilangan viii* (2013) hlm. 175-193

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyad, Hamid 'Abd. Qadir, Muhammad 'Ali al-Najr, *al-Mu'jam al-Wasit*, juz 1, (Istanbul, Turki: al-Maktabah al-Islamiyah, 1972), 1051.

Nurfarhana Binti Mohd Daud, Emie Sylviana Binti Mohd Zahid, Mohd Zainddin Bin Mustafa, Munira Bt Zakaria, Aflah Bt Isa (2017), International Islamic Heritage Confrence 2017 Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

Al-Syirazi, Abi Ishaq Ibrahim b. 'Ali, *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i* , Cet. 1, Jil. 2, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 323.

Al-Asqalani, Ibn Hajar (1988), *Fath al-Bari*, juz 5, al- Qaherah : Dar al-Rayyan lilturath, h 475; Kahf, Munzir,(2000),*al-Waqf al-Islami*, Damsyik : Dar al-Fikri, h 87.

Siti Mashitoh Mahamod. 2007. Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah* Jil 15 Bil2.

Al- Zuhayli, Wahbah Bin Mustafha (2011), *al-Fiqh al-Islam Wa Adillatuhu*, Dar al-Fikr, Suria, Dimasyq.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.